

**KAJIAN TENTANG REKA BENTUK
ALAT MUZIK TRADISIONAL GENDANG KECAPI
KELANTAN**

AMYUSHARMAN SHAFIQ BIN YUSOF

UNIVERSITI
MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KELANTAN

2024



**KAJIAN TENTANG REKA BENTUK
ALAT MUZIK TRADISIONAL GENDANG KECAPI
KELANTAN**

AMYUSHARMAN SHAFIQ BIN YUSOF

Tesis ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

Dari tarikh _____ sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan,

Amyus

Amyusharman Shafiq
bin Yusof
990831-08-6243

Tandatangan Penyelia,

Nama penyelia : Encik Aswawi bin Isa

Tarikh :

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur tak teHINGGA kepada Allah S.W.T kerana atas kurniaan dan izinnya, maka dapat saya menyiapkan penulisan tesis bagi kursus CWT 3103 Projek Penyelidikan. Projek Penyelidikan yang saya telah saya kaji adalah bertajuk “ Kajian tentang reka bentuk alat muzik tradisional gendang Kecapi Kelantan”. Ucapan tak terHINGGA pengkaji ungkapkan. Penghargaan yang tertinggi diberikan kepada ibu bapa saya yang selama ini telah menyumbang dari segi kewangan, nasihat, semangat serta kata-kata pendorong sepanjang saya menjalankan tugas penulisan tesis saya ini sehingga selesai.

Sekalung ucapan tak terHINGGA kepada penyelia untuk Projek Penyelidikan saya iaitu Encik Mohd Aswawi bin Isa yang selama ini telah menyumbang banyak jasa dari aspek bimbingan, menegur, menasihati dan memberi tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan tugas penulisan tesis ini. Hasil daripada bimbingan Encik Aswawi bin Isa, akhirnya saya mampu menyelesaikan penulisan ini dengan lengkap dan sempurna. Beliau telah memberi peluang yang sangat berharga dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam penghasilan penulisan saya sekaligus menyempurnakan penulisan kali ini.

Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih ditujukan buat kawan-kawan yang selalu membantu serta semua pihak yang terlibat sepanjang saya menjalankan projek penyelidikan saya terutamanya kepada responden dan tokoh pembuatan alat muzik gendang kecapi. Kerjasama yang baik dalam sepanjang menjalankan tesis memudahkan lagi saya menyiapkan tesis kali ini. Tokoh

alat muzik gendang kecapi iaitu Encik Mazlan bin Idris yang ditemu ramah sudi bekerjasa dan meluangkan masa untuk saya menemu ramah beliau. Sepanjang tempoh saya menemu ramah beliau, banyak info dan ilmu berguna dapat saya belajar dan perolehi sepanjang menyiapkan tesis ini. Dengan izin Allah S.W.T, semoga tesis yang saya siapkan ini mendapat keberkatan dan dapat memberi orang ramai menggunakan untuk proses pembelajaran dan pengetahuan am.



ISI KANDUNGAN**PENGHARGAAN****ISI KANDUNGAN****ABSTRAK****ABSTRACT**

1

2

BAB 1 PENDAHULUAN

Pengenalan 3-4

Latar belakang kajian 5

Permasalahan kajian 6-7

Objektif kajian 7

Persoalan kajian 7

Kepentingan kajian 8-10

Skop kajian 11

Kesimpulan 12

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

Pengenalan 13-14

Kajian literatur 15-19

Kesimpulan 20

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan	21
Reka bentuk kajian	22
Kaedah Kajian	23-25
Pengumpulan data	
Data primer	26-28
Data sekunder	28-30
Kesimpulan	30-32

BAB 4 HASIL DAPATAN KAJIAN

Pengenalan	33-35
Kaedah temu bual dalam memanipulasi data	
Sejarah	36
Temu bual	37-45
Pemerhatian	46-47

BAB 5 KEUSAHAWANAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan	48
Keusahawanan	49
Produk	50
Cadangan	51
Individu	51-53
Masyarakat	53-54
Kerajaan	55-58
Kesimpulan	59
Rujukan	60
Lampiran	61-63

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Kajian mengenai alat muzik tradisional gendang kecapi di Kelantan ini merupakan sesuatu benda yang baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini amat kurang dikaji menyebabkan seni ini berada pada tahap yang berbahaya dan di ambang kepupusan. Dengan adanya kajian ini, diharapkan agar masyarakat dapat menyedari perkara ini dan cuba menaikkan kembali alat muzik tradisional Gendang Kecapi supaya tidak ditelan zaman. Kajian ini menerangkan tentang sejarah dan asal-usul alat muzik tradisional Gendang Kecapi di Kelantan. Hal ini penting untuk diketahui kerana ingin memperlihatkan kepada generasi akan datang bahawa ia merupakan warisan turun-temurun sejak dari nenek moyang kita. Seterusnya kajian ini menjelaskan mengenai cara membuat alat muzik tradisional Gendang Kecapi dengan cara dan teknik yang betul supaya nilai keaslian dapat dikekalkan dan dipelihara dengan baik.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This research of Kelantan's traditional “gendang kecapi” instruments is novel. This is due fact of that the study of traditional musical instruments has received relatively little funding, placing the art form in danger of extinction. With can help for student to their study, it is hoped that can be the general public will become aware of this and work to revive traditional musical instruments in order to prevent their erasure. This study provides background information on the development of Kelantan's traditional “gendang kecapi”. To demonstrate to subsequent generations that this is a legacy passed down from our ancestors, it is crucial to know this. The study then goes into detail about how to properly make the “Gendang Kecapi” with correct and good technique to keep and properly preserve the originality value.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Setiap alat muzik tradisional di Malaysia mempunyai warisan budaya dan lambangnya yang tersendiri. Di Malaysia, setiap masyarakat mempunyai alat muziknya yang tersendiri tidak terkecuali juga masyarakat Melayu itu sendiri. Masyarakat Melayu di Malaysia ini kaya dengan pelbagai jenis alat muziknya. Setiap alat muzik ini mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Di Malaysia, alat muzik tradisional Melayu dijadikan sebagai kebudayaan yang berfungsi sebagai hiburan dan saluran komunikasi. Penghasilan alunan bunyi yang lunak dan pelbagai dapat dihasilkan, ia adalah bunyi dari hasil daripada bermain daripada alat muzik tradisional tersebut. Dahulu kala, alat muzik tradisional mempunyai fungsi dan memberi impak yang sangat besar. Ia digunakan sebagai salah sebuah media yang berfungsi dalam proses komunikasi dalam manusia sebenarnya. Dikatakan, alat-alat muzik tradisional ini tidak sahaja melibatkan manusia untuk sesebuah permainan, tetapi juga ia turut membantu dalam pelbagai proses tersebut.

Dalam kajian yang pengkaji jalankan ini, pengkaji akan mengkaji alat muzik tradisional di Kelantan iaitu Gendang Kecapi. Gendang kecapi ialah sejenis alat muzik yang dihasilkan daripada buluh sepenuhnya. Ia dapat menghasilkan bunyi yang merdu dan berbeza. Cara pembuatannya adalah dimana buluh itu perlulah mempunyai ruas yang panjang dan serta matang. Alat muzik

tradisional Gendang Kecapi ini boleh dilihat mempunyai tujuh tali iaitu dua tali ibu di hujung kira dan kanan, manakala ada lima tali anak ditengah-tengah diantara tali ibu belah kanan dan ibu di belah kiri. Gendang kecapi juga mempunyai lubang, dimana disitu ia akan mengeluarkan bunyi hasil daripada petikan tali Gendang Kecapi tersebut. Manakala pada kanan serta kiri ruas Gendang Kecapi pula, ia dijadikan sebagai bahagian gedombak iaitu berfungsi sebagai tempat untuk palu Gendang Kecapi tersebut. Golongan yang pandai bermain alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini dikatakan boleh bermain Gendang Kecapi dengan pelbagai cara dan teknik. Selain itu, ia juga dapat meniru bunyi daripada alat-alat muzik yang lain.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini merupakan alat muzik tradisional masyarakat di Kelantan. Ia turut dipanggil dengan nama kecaluh atau kecapi buluh dan ia dimainkan oleh masyarakat yang menetap di kawasan kampung khususnya. Alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini pada mulanya hanya digunakan sebagai satu jenis hiburan untuk menghiburkan hati dan dalam masa yang sama sebagai media permainan suatu ketika dahulu. Lebih menarik lagi, Gendang Kecapi ini turut mengeluarkan bunyi yang sangat merdu apabila dimainkan.

Gendang Kecapi ini tergolong daripada alat muzik jenis idiofon. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia merupakan sebuah alat muzik yang dapat menghasilkan bunyi hasil daripada permukaan badannya. Contoh lain alat-alat muzik yang di kategorikan sebagai alat muzik jenis idiofon ialah seperti angklung bonang dan gong.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kecapi kini berada diambah kepupusan, hal ini dikatakan demikian kerana, remaja pada masa kini tidak lagi gemar dalam hal-hal yang membabitkan perkara yang berkaitan tradisional. Gendang kecapi ini merupakan alat muzik tradisional yang sudah lama wujud. Namun begitu, ia dilihat semakin tidak dikenali ramai dan diyakini akan menyebabkan kepupusan. Masyarakat pada masa kini, jarang sekali dapat melihat bagaimana rupa bentuk alat muzik tradisional Gendang Kecapi tersebut. Hal ini sangat meresahkan kerana jika tidak dipantau atau diambil tindakan, ia akan menyebabkan Gendang Kecapi ini terus hilang ditelan zaman. Alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini begitu terkenal pada dahulu kala.

Bahkan, masyarakat generasi sekarang ini tidak tahu juga cara bermain alatan muzik tradisional Gendang Kecapi, apatah lagi kesenian yang terhasil dari alatan muzik teradisional Gendang Kecapi itu tersebut. Didapati juga bahawa Gendang Kecapi ini hanya dikenali oleh golongan berusia sahaja. Ia diyakini merupakan perkara serius, hal ini kerana golongan berusia ini semakin hari semakin berusia. Golongan muda pula tidak didedahkan dengan kewujudan alat muzik tradisional kecapi ini. Kemungkinan, anak muda pada masa kini , tidak mengetahui langsung akan kewujudan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini.

Berdasarkan petikan di atas, satu penyelidikan mengenai alat muzik tradisional terutamanya Gendang Kecapi akan dijalankan. Khusus difokuskan kepada alat muzik tradisional Gendang Kecapi yang dilihat kian hari semakin pupus. Hal ini dikatakan demikian, bagi membantu anak

muda serta masyarakat agar dapat mengetahui sedikit sebanyak ilmu dan mengenali alat muzik tradisional Gendang Kecapi dengan lebih jauh.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui sejarah asal-usul alat muzik Gendang Kecapi.
2. Mengenal pasti proses-proses pembuatan alat muzik tradisional Gendang Kecapi dengan betul.
3. Mengenalpasti cara dan usaha untuk mengekalkan alat muzik tradisional Gendang Kecapi dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah sejarah asal-usul alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini ?
2. Bagaimanakah proses-proses dalam membuat alat muzik tradisional Gendang Kecapi dengan betul ?
3. Bagaimanakah cara dan usaha yang boleh dilakukan untuk mengekalkan alat muzik tradisional gendang kecapi dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan ?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

PENGENALAN

Kepentingan untuk kajian ini amat diperlukan bagi mendapatkan segala maklumat mengenai kewujudan alat muzik tradisional Gendang Kecapi di Kelantan. Diharapkan dengan adanya kajian ini, dapat membantu pelbagai pihak dalam mencari atau mendapat ilmu yang baharu. Disamping itu, ia mampu memberikan maklumat tambahan serta maklumat terkini bagi kajian-kajian yang lain.

1.5.1 Individu

Selain itu juga, iPEa dapat menjadikan sumber kepada pengkaji-pengkaji akan datang. Dari segi individu, ia bertujuan untuk memberi penerangan penting khusus kepada sejarah dan cara pembuatan alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Dalam pada itu, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih mendalam mengenai cara atau teknik pembuatan alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Harapan pengkaji adalah agar ia dapat membantu para pengkaji mencari lebih banyak informasi mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi.

1.5.2 Masyarakat

Kepentingan penyelidik bertujuan untuk memberi info kepada golongan masyarakat. Pengkaji ingin berkongsi dan membuka mata masyarakat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Pengkaji berharap dengan adanya kajian seperti ini ia mampu menjadi bahan rujukan yang boleh dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Kajian ini pastinya akan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya golongan muda.

1.5.3 Institusi

Dengan adanya bengkel dan pameran alat muzik tradisional Gendang Kecapi, ia dapat meningkatkan lagi seni warisan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini sangat terkenal pada dahulu kala, ia banyak membawa nostalgia khususnya di negeri Kelantan. Kajian ini berperanan dalam medium mencari maklumat atau info serta sebagai sumber bahan rujukan kepada pihak sekolah, Insitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

1.5.4 Negara

Seterusnya, ia turut membawa kepentingan kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia boleh menjadi salah sebuah warisan tidak ketara ataupun sebagai sebuah artifak. Alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini boleh dinaikkan lalu dipersembahkan di muzium sebagai

sebuah artifak sejarah. Hal ini bertepatan dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini adalah salah satu identiti terdahulu yang terkenal pada kalangan masyarakat di negeri Kelantan.

RUMUSAN

Dengan adanya pendokumentasian ini, pengkaji berharap agar, alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini dapatkan dikekalkan dari terus ditelan dek zaman. Diharapkan agar kajian ini dapat dijadikan sebagai garis panduan serta memberi impak positif kepada masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.6 SKOP KAJIAN

Pengkaji telah memfokuskan skop kajian di negeri Kelantan. Penyelidikan ini hanya tertumpu kepada alat muzik tradisional Gendang Kecapi sahaja. Hal ini kerana kebanyakkan aktivitis yang bermain gendang kecapi aktif di kawasan negeri Kelantan. Bukan itu sahaja, di sini juga terdapat pakar yang boleh membuat gendang kecapi tersebut. Terdapat juga pasukan-pasukan yang masih aktif bermain gendang kecapi di negeri Kelantan. Oleh itu, ia akan memudahkan pengkaji mendapatkan data dan menemu bual pembuat gendang kecapi tersebut.



GAMBAR RAJAH PETA UNTUK DIKAJI

KESIMPULAN

Dalam bab ini, pengkaji ingin menyimpulkan bahawa segala penyelidikan yang dilakukan ini berfungsi untuk mendalami lebih kepada sejarah asal-usul alat muzik tradisional Gendang Kecapi di Kelantan. Ditambah pula dengan , dengan keunikan dan teknik yang digunakan dalam menghasilkan sesebuah alat muzik tradisional Gendang Kecapi tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini mempunyai keunikan serta reka bentuknya yang tersendiri. Seterusnya, alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini adalah salah sebuah alat muzik tradisional yang sudah lama wujud di negeri Kelantan. Ia perlulah dipelihara dengan sebaik-baiknya agar keseniannya tidak terhakis.

Oleh itu, diharapkan agar semua sektor dapat memainkan peranannya yang tersendiri. Ia penting bagi mencapai objektif dan menaikkan kembali kegemilangan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini. Alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini adalah warisan peninggalan sudah lama bertapak di negeri Kelantan, ia pasti mempunyai nilai estetiknya yang tersendiri.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan memfokuskan mengenai pelbagai sumber kajian yang diperoleh. Antara sumber yang boleh digunakan adalah seperti jurnal buku, artikel, akta kerajaan mahupun analisis terdahulu yang bersesuai serta relevan. Kajian lepas yang dibuat oleh para pengkaji boleh digunakan dan syaratnya adalah harus menepati dan bersesuaian dengan kajian yang hendak dibuat itu. Bab ini akan membincangkan lebih terperinci akan segala perkara dan susulan tentang kajian-kajian yang lama. Oleh itu, teori kajian lepas yang bersesuaian dan mempunyai info yang sahih dan bertepatan dapat dimasukkan dalam kajian.

Bab ini turut membincangkan serta merungkai kesemua kajian lepas dalam bidang alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Selain itu, sumber rujukan ilmiah turut diperlukan dan maklumat yang berkenaan dapat dimasukkan dalam kajian ini. Sumber-sumber maklumat yang didapati ini haruslah dilihat dan diteliti terlebih dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap maklumat ini penting bagi mendapat maklumat yang tepat dan menepati objektif kajian.

Dalam menggapai tujuan ini, segala penyelidikan yang dibuat adalah secara efisien dan tulus. Setiap perkara dikaji dan dianalisis terlebih dahulu melalui kajian yang dijalankan sebelumnya. Kajian literatur yang dijalankan haruslah berasaskan sumber yang tepat dan sahih. Iaitu melalui kajian sebelumnya dan barulah ia boleh dimulakan. Kesemua maklumat yang didapati ini akan disediakan buat para pembaca. Kajian ini akan merungkai segala jenis analisis serta dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada kajian ini.

Tuntasnya, pengkaji perlu mendapatkan segal jenis maklumat yang tepat melalui pengkaji yang sebelumnya. Kajian lepas akan dirujuk kembali dan pengkaji akan memberi kredit kepada penyelidik asalnya itu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.1 KAJIAN LITERATUR

Pengkaji ingin mengkaji tentang alat muzik tradisional gendang kecapi, hal ini kerana alat muzik ini sangat menarik disebabkan alat muzik ini mempunyai boleh menghasilkan bunyi yang enak melalui cara pukulan dan tekniknya. Kajian ini tertumpu kepada bagaimana cara pembuatan alat muzik tradisional gendang kecapi ini dan dirakamkan supaya ia boleh dipertontonkan kepada generasi yang akan datang supaya ia akan kekal keseniannya dalam alat muzik tradisional gendang kecapi.

Menurut Muhammad Ridhwan bin Saaya, November 2020, gendang kecapi ini berasal daripada negeri Kelantan. Melayu di Kelantan memainkannya dalam persembahan seni budaya seperti dikir barat, mak yong, muzik latar wayang kulit malah turut dimainkan mengiringi perlawanan tomoi. “gendang gendut tali kecapi” juga dilhamkan daripada alat muzik yang berama gendang kecapi dan ia bukanlah dua alat muzik yang berbeza iaitu gendang dan kecapi.

Gendang “gendut” membawa maksud gendang yang besar atau gergasi atau gemuk atau kemungkinan dalam loghat Melayu Kelantan sahaja. Gendang kecapi yang baik dan sedap selalunya adalah diperbuat daripada buluh betong yang besar diameternya atau dalam bahasa mudahnya “gendut” atau gemuk menghasilkan bunyi yang padu.

Gendang kecapi ini menggabungkan dua elemen, pertama percussion dari gendang yang perlu diketuk, dan yang kedua ialah elemen tali dari tali rotan yang dipetik dan bergetar di luar gendang tersebut, dipanggil tali kecapi. Maka kedua-duanya iaitu apabila gendang diperbuat

daripada buluh yang besar, digabungkan dengan petikan tali kecapinya maka ia akan menghasilkan bunyi yang sedap didengar apabila dimainkannya. Dapat diertikan bahawa bunyi yang sedap terhasil daripada “gendang gendut tali kecapi”. Ia amat sesuai dengan membayangkan maksud “kenyang perut suka hati” kerana orang yang suka hati ataupun gembira.

Menurut Abd. Rahman bin Mohamed, Ogos 2012 yang lebih dikenali sebagai Abe Man Alabaladi yang merupakan pemuzik istimewa. Beliau menghidap cacat penglihatan kekal disebabkan ia mendapatkan sakit mata yang tiba-tiba dan sakit sekali. Hal ini telah membuatkankan, ayah beliau mencipta satu jenis alat muzik yang dipanggil sebagai “Gendang Kecapi”. En. Abd. Rahman meneruskan kata-katanya dengan mengatakan bahawa alat muzik tradisional Gendang Kecapi tidaklah memerlukan tenaga yang ramai. Gendang Kecapi adalah sebuah alat muzik tradisional yang dimainkan oleh seorang pemain sahaja. Dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini katanya mampu membuang segala kesunyianya dan kegusaran yang ada di dalam hati beliau. Masih teringat di memori kepalanya, apabila alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini dipetik, pasti ramai yang akan datang kepadanya sambil menghiburkan hati.

Katanya lagi, ketika usianya menjangkau remaja, beliau telah mengambil insentif dengan membuat alat muzik tradisional Kelantan yang tersendiri yang disebut sebagai Gendang Kecapi atau bahasa mudahnya “Kecaluh”. Penduduk kampung dikatakan terdahulu menggunakan Gendang Kecapi sebagai medium permainan sahaja. Hal ini dikatakan demikian , alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini mampu mengeluarkan bunyi yang sangat merdu. Tambahnya lagi, buluh itu ditebus di permukaan badannya dan dipasang dengan tali buluh itu sendiri. Akan tetapi, cara itu dianggap membebankan kerana Gendang Kecapi tidak akan tahan lama. Hal ini dikatakan

demikian kerana, disebabkan faktor cuaca iaitu panas yang menjadikan talinya akan kering dan mudah untuk putus.



Abe Man Alabaladi yang merupakan pemuzik istimewa

Menurut tesis mengatakan bahawa gendang kecapi ini mempunyai inovasi dari segi rupanya dan cara permainannya. Hal ini kerana mereka telah mencipta sejenis alat muzik yang dikenali sebagai “gitar elektrik”. Dikatakan bahagian yang dipanggil sebagai “head” berfungsi sebagai alat untuk mengawal ketegangan sesebuah tali tersebut. Hal ini memudahkan para pemain alat muzik menetapkan ketegangan tali yang mereka mahukan. Setelah siap menetapkan tali ketegangan yang diingini, ia perlu dibantu dengan gendang. Akhirnya, setelah siap gendang kecapi itu, perkara yang perlu dipastikan adalah “Amplifier” berfungsi membentuk sebuah gitar elektrik. Gendang Kecapi ini dahulu kala dianggap sebagai salah satu alat muzik tradisional yang lebih canggih

berbanding dengan peralatan keyboard. Hal ini dikatakan demikian kerana, keyboard boleh dimainkan oleh sesiapa sahaja, tidak seperti Gendang Kecapi yang perlu mempunyai kemahiran, ia agak sukar bagi pemula untuk memainkannya.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, media mendefinisikan alat muzik tradisional ini sebagai salah satu alat komunikasi (perhubungan). Fungsi adalah sama dengan radio, televisyen, akhbar dan sebagainya. Dalam pada masa yang sama, ia juga menjadi sebagai perantaraan untuk berkomunikas serta medium saluran komunikasi. Tidak dari itu, ia juga adalah salah sebuah saluran komunikasi bercetak dan bermacam lagi. Alat muzik tradisional ini turut berperanan besar dalam medium untuk menyampaikan maklumat dan berfungsi untuk menyimpan segala maklumat kepada orang ramai dengan lebih pantas.

Alat muzik tradisional Gendang Kecapi dilihat kurang mendapatkan perhatian dan liputan dari keratan akhbar mahupun media cetak. Perkara ini sebenarnya penting, bagi memberi, menyampaikan maklumat dan membuka mata masyarakat luar akan kewujudan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini. Ia sebagai panduan untuk memberi pendedahan, pengetahuan seterusnya pendidikan kepada pembaca.

Pada keratan surat khabar Berita Harian ada mengatakan dan mengeluarkan tajuk berkenaan memartabatkan warisan seni muzik tradisional Melayu pada masa kini. Dalam wawancara bersama Encik Aswawi bin Isa, dapat memberitahu kita akan segala perihal mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini. Tambahnya lagi, beliau berkata alat muzik tradisional Gendang Kecapi bakal menghadapi kepupusan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bertepatan dengan dengan trend masa kini, dimana generasi muda tidak mahu langsung untuk mengenali akan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini. Sebenarnya gendang kecapi ini telah lama wujud sekitar tahun zaman kegemilangannya iaitu sekitar 1940 dan 1950 an. Beliau mengatakan hasratnya untuk terus

mempromosi alat muzik tradisional Gendang Kecapi kepada generasi muda, baginya ia sangat penting bagi menjaga kesenian tradisional yang sudah lama bertapak di negeri Kentan ini.

Ia juga menyatakan alat muzik gendang kecapi ini perlu dipromosikan kepada generasi muda dan perlu memelihara kesenian tradisional ini.



Martabatkan warisan seni muzik tradisional Melayu

Berita Harian

Oleh Nor Azma Laila
14 Jun 2018

Contoh keratan akhbar mengenai alat muzik tradisional gendang kecapi

Kerjasama diantara Pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dengan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan (IPGKSM) telah diadakan. Program Kerjasama Muzik Tradisional telah dianjurkan dengan tujuann mahu mengangkat semula seni dan warisan tradisional yang ada di negeri Kelantan. Semasa ditemu bual, Encik Aswawi mengatakan ia merupakan suatu insentif untuk membawa generasi muda untuk tertarik dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini.

2.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab ini, kajian ini dapat dirumuskan bahawa ia terkandung pelbagai maklumat iaitu kajian semasa dan kajian selepas. Kajian mengenai tajuk yang berkaitan alat muzik tradisional ini masih belum ada spesifik. Dalam kajian ini, pengkaji telah menganjurkan mengikut perkara dan membuat laporan penyelidikan. Penyelidikan lepas adalah suatu dokumen yang penting dan amat diperlukan. Hal ini bagi menambah cadangan dan idea dalam kajian untuk bab ini. Oleh itu, terkadang pendapat yang bercanggah juga atau berlainan daripada pengkaji terdahulu juga membenarkan pengkaji lebih mendalami tajuk yang ingin dikaji secara menyeluruh. Hal ini dikatakan sangat penting kerana, setiap prospektif dapat menjadi sebagai panduan buat para pengkaji untuk menfokuskan kepada penyelidikan yang akan mereka kaji. Semua perkara akan dititik beratkan bagi memberi pengkaji mencari lebih banyak maklumat khususnya mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini.

UNIVERSITI
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Pada bab ini, pengkaji akan memberikan beberapa kaedah metodologi dalam kajian yang ingin dikaji. Untuk bab kali ini, ia akan menceritakan tentang cara untuk mendapatkan serta teknik yang boleh dilakukan untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat bertujuan untuk pengkaji menulis untuk tesis ini. Menurut Othman (2001), metodologi ini ialah sebuah tempat yang menjadi fokus yang efisyen dan panduan dalam mencari maklumat yang diingini. Selain itu juga, kajian ini memberikan pendekatan untuk menyasarkan jumlah data dan statistik yang diperolehi bagi mencapai target pengkaji.

Menurut Ruhizan Mohammad Yasin et.al (2001), statistik perlulah sahih dan menepati piawaian. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap bukti dan kebenaran haruslah ditunjukkan melalui sesuatu sumber kajian yang didapati. Berdasarkan graf reka bentuk kajian, ia sangat bertepatan dan menepati dengan kajian yang ingin pengkaji kaji. Selain itu, teknik aplikasi yang digunakan untuk setiap proses juga diperlukan bagi mencapai dan mengapai jumlah data dan statistik yang dimahuhan untuk penyelidikan.

Seterusnya, antara kaedah yang telah pengkaji gunakan adalah melalui kaedah kualitatif. Menurut kata Taylor (1984) kaedah jenis kualitatif ini merupakan suatu bentuk jenis lontaran

menggunakan teknik lisan ataupun karangan mengenai setiap perihal yang berlaku. Antara contohnya adalah seperti tingkah laku seseorang manusia itu dihayati. Manakala, dari segi data kualitatif pula, ia terbentuk daripada tiga jenis cara. Cara pertama adalah melalui pemerhatian, kedua adalah melalui komunikasi dua hala dan yang terakhir adalah dari segi hasil penyampai seseorang itu sendiri. Tidak lupa juga, sumber-sumber dari segi bertulis juga boleh digunakan sebagai contoh jurnal dan buku.

3.1. REKA BENTUK KAJIAN

Untuk sesebuah kajian yang hendak dikaji serta dilaksana haruslah mempunyai dari aspek reka bentuk kajian tersebut. Ia perlulah dibuat secara sistematis dan efisyen. Oleh itu, pengkaji memerlukan dua reka bentuk kajian untuk dijadikan pilihan untuk membuat sesuatu diskripsi kajian itu. Setiap reka bentuk kajian itu akan menjadi petunjuk bagi mendapat suatu piawaian dan kualiti yang dimahukan dalam sesebuah kajian yang mahu digapai.

Pengkaji telah membuat reka bentuk kajian terlebih dahulu bagi tujuan untuk digunakan dalam kajian kali ini. Beberapa aspek yang akan dibahaskan akan merangkumi reka bentuk kajian, persampelan kajian dan instrumen dalam sesebuah kajian. Boleh dirungkaikan bahawa, kaedah penyelidikan menfokuskan kepada dua bahagian data, iaitu melalui pendekatan secara kuantitatif dan pendekatan jenis kualitatif.

3.1.1. Kaedah Kuantitatif

Kajian jenis kuantitatif merupakan suatu bentuk kajian yang boleh diklasifikasikan sebagai perkara yang menggunakan medium instrument dalam sumber data yang akan dikeluarkan. Sesetengah organisasi maupun agensi yang diiktiraf boleh digunakan sebagai salah satu analisis statistik kajian, membuat perhitungan peratusan dan bermacam-macam lagi. Kaedah ini lebih memfokuskan kepada objektifnya dan menggunakan hasil peratus bilangan kajian yang didapati. Dalam kajian ini, ia ditafsir sebagai “kuantiti” yang membawa kepada bilangan yang berlipat kali ganda dan lebih kepada angka dan digit data bernombor. Kuantiti boleh ditakrifkan kepada hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui data angka yang ditunjuk dan cara memperjelaskan dapatan tersebut. Disamping itu, kaedah kuantitatif ini dapat menyelesaikan permasalahan kajian yang dilalui melalui tafsiran dalam sistem pemboleh ubah.

Selain itu juga, kaedah jenis kuantitatif ini merujuk kepada dua jenis kajian iaitu satu berbentuk kajian intervensi manakala satu lagi adalah berbentuk non-intervensi. Untuk kajian berbentuk intervensi, aspek reka bentuk kajian amat diperlukan kerana ia sangat bersesuaian dalam kegunaan eksperimen yang hendak dijalankan. Kajian non-intervensi pula adalah lebih kepada korelasi ataupun tinjaun. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia lebih bersifat ramalan atau jangkaan bagi suatu pemboleh ubah atau rumusan yang perlu disokong daripada data-data statistik yang dikumpul itu. Kajian kuantitatif menurut John W. Creswell (2008) ialah suatu jenis kajian penyelidikan yang perlu diputuskan oleh pengkaji itu sendiri. Antara contoh yang boleh dilakukan adalah memberikan soalan melalui target yang pengkaji tetapkan, meminimakan setiap skop soalan

dan mengumpul setiap data. Ia boleh dikuantitatif kepada menganalisis data, statistik angka serta nombor, responden dan menjalankan penyelidikan dalam bentuk objektif.

3.1.2. Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah satu jenis cara atau kaedah untuk mempermudahkan permasalah sesuatu kajian itu. Menurut Mahdzan (1995), iaitu “Kaedah penyelidik adalah satu jenis proses yang perlu diambil bagi menggapai matlamat objektif yang ditetapkan”. Kaedah jenis kualitatif ini adalah sejenis proses kaedah penyelidikan yang dijalankan berdasarkan satu model secara kualitatif, berspektif strategi dan ada lonjakan paradigma. Ia bertujuan untuk memastikan kajian ini mantap dari aspek yang hendak dikaji tersebut. Menurut Kirk & Miller (1986) mengatakan bahawa setiap tradisi dalam ilmu berkaitan pengetahuan sosial mengikut fundamental terkait diantara penelitian masyarakat dan kelompoknya yang tersendiri dan berkait rapat dengan golongan-golongan yang tersebut dalam peristilahan dan bahasanya. Melalui pendekatan kualitatif terhasilnya data dar segi gambar yang boleh diperlihat (Lexy, 2007).

Selain itu, pendekatan kualitatif dari segi penyelidikan kajian sesuatu kes adalah suatu benda yang penting. Penyelidikan yang dijalankan kepada suatu kelompok sistem, iaitu sama ada berbentuk sistem program ataupun terlibat dengan tempat, ikatan dan waktu tertentu. (Nana, 2005). Bertujuan untuk mengumpul segala jenis data, mendapatkan makna setiap perkataan, dan memahami konteks pemahaman bagi sesuatu kajian kes. Disamping itu juga, proses mengumpul data mengikut Cresswell (1998) adalah bertujuan untuk mengenal pasti keadaan inividu atau tapak, memudahkan pencarian akses, menyimpan sampel kajian, menyimpan rekod sesebuah

kajian, merekod data, mengumpul maklumat sahih dan tepat, menyelesaikan masalah-masalah ketika di tapak lapangan dan terakhir adalah menyimpan segala bukti data.

Selain itu, kaedah kualitatif menggunakan cara yang pelbagai seperti penghuraian, interpretif, kajian lapangan, kajian konteks sejarah, data verbal, triangulasi data dan kajian kes. Sebenarnya kaedah kualitatif ini menggunakan konsep jenis makna, konteks pemahaman, triangulasi dan pembentukan fenomena. Kaedah ini lebih berfokus dalam bidang antropologi, linguistic, sosial, masyarakat dan latar sejarah. Tujuannya adalah bagi membina sebuah teori yang lengkap, memudahkan pemahaman, menghuraikan setiap jenis kenyataan yang diperoleh, dapat menyatakan sebab kejadian semulajadi berlaku. Kaedah kualitatif ini selalunya akan menggunakan sistem secara pemerhatian, rujukan, kajian kes dan temubual tidak berstruktur.

3.2. KAEDAH KAJIAN

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan lebih lanjut mengenai cara dan proses dalam mengumpul data dan maklumat yang ingin diperolehi. Selepas itu, ia akan ditulis pada setiap penulisan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, bagi mendapatkan penulisan yang baik, lengkap dan kemas.

a) Analisis Kajian

Analisis kajian ini adalah kebih ke pada satu bentuk dalam mengehadkan setiap data dan menunjuk data yang lebih statistik. Hal ini bertujuan untuk memberikan data dalam bentuk yang lebih efisyen dan harus menyelesaikan data yang terkumpul . Pengkaji akan menganalisis data yang

telah dia dapati dan diperolehi, ia membantu dalam pengumpulan data. Analisis data penyelidik yang dicatat akan disimpan bagi tujuan untuk memproses data tersebut. Tujuannya adalah bagi memudahkan aktiviti dianalisis dan mudah difahami. Proses yang dikenali sebagai analisis data dan turut disebut sebagai proses pra-analisis dimana peringkat awalnya ia mempunyai tahap serta proses dalam menukar maklumat data, pemboleh ubah, proses penyemakan kesalahan, mengaudit struktur data, pemekaran pemboleh ubah dan taburannya.

b) Kajian Instrumen

Dari segi kajian instrumen, ia boleh ditakrifkan sebagai segala jenis alat, teknik, cara dan kaedah yang diguna pakai bagi mendapatkan atau memperoleh segala jenis data dan statistik kajian. Sebagai contohnya, dalam bidang sukan , instrument diguna pakai dalam mengukur pencapaian sesebuah atlet, melihat prestasi dan melihat perkembangan dan potensi untuk terus ke melonjak ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, kajian instrumen memperlihatkan keberhasilan dari segi latihan serta pencapaian seseorang atlet tersebut dalam sesebuah pertandingan yang disertai.

3.3. PEMERHATIAN

Kaedah menggunakan teknik pemerhatian adalah satu jenis matedologi yang diguna pakai oleh pengkaji untuk membantu menyelesaikan tugas tesis kali ini. Dalam kaedah ini, ia terkandung kepada dua aspek, iaitu melalui cara pemerhatian penglibatan (participart-obeservation) dan melalui pemerhatian secara terus (direct observation) Kaedah secara pemerhatian ini lazimnya digunakan sewaktu melibat pemerhatian yang secara langsung. Sebagai contohnya, mengira jumlah pelajar yang ada pada sesebuah sekolah. Teknik ini lazimnya tidaklah memerlukan aspek

percakapan mahukan komunikasi. Kaedah pemerhatian hanya tertumpu kepada penglibatan sahaja, yang terkandung dalam bidang antropologi (kajian mengenai kehidupan masyarakat).

Oleh itu, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian dimana akan membuat pemerhatian secara terus. Sebagai contoh, pengkaji akan berjumpa tokoh-tokoh yang mahir dalam membuat alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Rujukan daripad tokoh-tokoh ini amat diperlukan, bagi mengukuhkan lagi kajian pengkaji. Pengkaji sendiri akan melibatkan diri untuk melihat lebih dekat rupa alat muzik tradisional Gendang Kecapi itu sendiri dan melihat hasil cara pembuatan secara bersemuka. Pengkaji turut menonton video di laman sosial bagi mengetahui lebih lanjut akan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini dan dalam masa yang sama akan buat rakaman sama ada dalam bentuk video atau rakaman suara.

3.4.TEMU BUAL

Kaedah temubual ini digunakan pakai bagi mendapatkan segala jenis maklumat tang berkaitan dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Melalui kaedah ini, ia sedikit menambahkan lagi maklumat dan info baharu untuk kajian yang akan dijalankan. Ditambah itu lagi, setiap maklumat yang diperoleh akan dimasukkan dan diaudit ke dalam laporan kajian. Bukti-bukti maklumat tambahan seperti gambar, rakaman suara, video amat diperlukan. Kaedah ini dijalankan dengan pengkaji meluangkan masa untuk bertanya soalan yang bertepatan dengan objektif kajianya. Ia bersesuai bagi seseorang itu yang mempunyai masa dan terhadap, namun begitu

segala jawapan haruslah dijawab secara berilmiah. Temuduga berstruktur adalah satu cara terbaik bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan tepat.

3.5. SUMBER RUJUKAN

Kajian yang menggunakan teknik metodologi pustaka ini alah kaedah jeinis perpustakaan. Kaedah perpustakaan ini memerlukan pengkaji pergi ke perpustakaan bagi mendapatkan sumber ilmiah seperti jurnal, buku, majalah dan lain-lain lagi. Kaedah metodologi ia lebih bersifat kondusif, lengkap dan memudahkan pengkaji. Selain itu, ia turut mengambil masa yang yang singkat dan menjimatkan kos dalam penyelidikan. Namun begitu, kaedah ini sangat terbatas dan mempunyai had dari segi mencari dan mendapatkan maklumat yang ingin dicari. Info yang bersesuaian dan berkaitan dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Kaedah ini hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan semata-mata tanpa pengkaji perlu pergi membuat pemerhatian. Walaupun begitu, dapat dilihat kajian yang menggunakan pakai kaedah metodologi lebih bertepatan dan telah ramai pengkaji menggunakan sebagai rujukan kerana kandungan yang tepat dan sahih. Pengkaji turut telah pergi ke perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan mencari rujukan yang relevan mengikut kesesuaian tajuk kajian yang hendak dikaji.

3.5.1. Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan ini lebih kepada mencari rujukan untuk penulisan. Pengkaji akan mencari-bahan yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Segala info yang mempunyai hubung kait dengan tajuk pengkaji iaitu mengenai alat muzik tradisional Gendang akan dikaji sepenuhnya. Sumber dan bahan yang diperoleh akan dijadikan sebagai data sokongan dan memberi sokongan akan maklumat serta fakta yang akan dikaji. Kaedah ini adalah kaedah jenis primer dimana, pengkaji akan mengaplikasikannya sebagai satu panduan dan kaedah. Hal ini bertujuan untuk, memastikan segala gerak kerja untuk mendapatkan bahan kajian melalui info dan fakta yang diraih dengan pantas dan tepat. Tujuannya adalah bagi memastikan segala jenis maklumat diperoleh secara terus melalui bahan rujukan dari perpustakaan dan sebagainya. Kaedah perpustakaan ini memudahkan pengkaji mendapatkan data primer bagi sesebuah kajian khususnya mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi mengikut fakta teori dalam setiap kerangka kerja.

3.5.2. Kajian Ilmiah

Kajian secara ilmiah ini banyak membantu pengkaji dari segi mendapatkan segala info dan maklumat yang berkaitan bagi membantu pengkaji mencari maklumat yang berfokus kepada sorotan kajian-kajian lepas. Kajian ilmiah ini juga, memberi panduan kepada pengkaji dalam mencari sesebuah maklumat itu secara terperinci dan mendalam. Setiap isi dan penerangan lanjut akan dihurst pada bab 2 iaitu mengenai penerangan tentang sorotan kajian lepas.

3.5.3. Sumber Internet Dan Laman Web

Kajian yang pengkaji jalankan adalah berkenaan dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Segala jenis sumber yang berkaitan dengan alat muzik tradisional Gnedang Kecapi akan dikumpul. Maklumat dan info ini akan diperoleh daripada sumber internet dan laman web. Ditambah pula, sumber laman sesawang lebih efisyen mengikut peredaran masa dan segelintir penulis-penulis artikel menulis mengenai kajian yang hendak dikaji. Selain itu, keratan akhbar juga boleh dijadikan bukti kukuh untuk kajian kerana mempunyai data yang tepat.

3.6. KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji menyifatkan bahawa alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini sewajarnya dijaga kerana ia mempunyai nilai estetik yang tersendiri. Perkara ini amat merisaukan kerana, alat muzik tradisional Gendang Kecapi sudah semakin hilang di negeri Kelantan. Hal ini menjadikan kita wajar untuk mempelajari dan menyambung semula legasi terdahulu yang sudah lama bertapak di negara kita. Pelbagai langkah perlu dipraktiskan agar alat muzik tradisional ini terus mempunyai sambungan dan terus kekal. Semua pihak haruslah cakna akan hal ini, terutamanya dari segi teknik permbuatan dan cara bermain alat muzik tradisional Gendang Kecapi tersebut. Hal ini penting bagi mengekalkan keaslian yang ada pada alat muzik tradisional Gendang Kecapi tersebut.

Terdapat pelbagai cara dan usaha yang telah dijalankan untuk mengekalkan warisan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini. Alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini begitu pada era di mana ia menjadi sebagai satu hiburan untuk masyarakat dan bunyinya yang sangat menenangkan. Usaha dalam mengekalkan keaslian mutu pada alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini perlu kerana alat ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Diharapkan dengan adanya usaha-usaha sebegini, ia mampu mengekalkan warisan ini dari terus mekar dan tidak ditelan zaman. Generasi baharu ini perlu mengetahui akan sejarah ataupun susur galur tercipta alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini. Hal ini penting bagi, memberi kesedaran kepada setiap golongan, terutama golongan muda.

Seterusnya, cabaran adalah satu bidang yang perlu dititik beratkan iaitu dari segi cara untuk mengekalkan teknik pembuatan alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Fungsi cabaran ini adalah semua pengkaji dapat mencari idea dalam menyelesaikan setiap masalah mengikut cara yang betul. Hal ini penting bagi mengekalkan warisan yang sudah lama bertapak di negeri Kelantan. Alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini begitu sinonim dengan jati diri anak Kelantan. Mungkin ada sebahagian daripada masyarakat tidak peka atau tertarik dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini, akan tetapi perkara ini penting bagi kita untuk terus mengembangkan dan mengekalkannya untuk masa hadapan.

Selain itu juga, Kaedah-kaedah atau cara yang ingin digunakan adalah satu usaha dalam menceritakan kepada masyarakat akan keistimewaan yang ada pada alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Mengikut era pemodenan sekarang, kita boleh melihat masyarakat sekarang lebih berfikiran kepada moden dan menganggap warisan lama ini sudah tidak penting. Hal ini menjadikan, masyarakat sekarang tidak tertarik lagi akan buday tradisional yang mempunyai tarikan dan keunikannya yang tersendiri. Pendedahan kepada golongan masyarakat ini amat penting bagi menaikkan semula sikap ingin tahu dan mengetahui akan alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Hal ini dikatakan demikian kerana , ia sedikit sebanyak dapat menarik masyarakat untuk tertarik dan menanam rasa cinta akan alat muzik tradisional Gendang Kecapi yang merupakan warisan untuk negara.

Dapat disimpulkan bahawa, kajian mengenai reka bentuk alat muzik tradisional Gendang Kecapi sangat-sangat diperlukan dalam perlu memberi fokus lebih. Ia bukan sahaja, dapat digunakan oleh penkaji sahaja, bahkan semua golongan masyarakat akan dapat manfaatnya. Oleh itu, warisan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini perlu dipelihara dan mempunyai kesinambungan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Pada bab ini, ia akan memberi perhatian serta akan memperjelaskan hasil dapatan pengkaji. Hasilnya kajian yang dapat pengkaji peroleh adalah melalui kaedah-kaedah pengkaji simpulkan. Tujuan utama, adalah untuk memudahkan penulisan pengkaji dalam menyimpan dan memiliki data mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi di Kelantan. Makumat atau data yang diperolehi akan dikumpul bersama-sama. Antara data lain yang boleh digunakan adalah melalui buku, jurnal serta temu bual. Laman sesawang juga menjadi kaedah dalam kajian beserta dengan kaedah secara pemerhatian. Kaedah-kaedah ini diharapkan dapat menjawab objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji.

Data akan dianalisis terlebih dahulu menggunakan teknik graf dan jadual. Dalam analisis tersebut, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih mendalam terutama pada bahagian reka bentuk alat muzik tradisional Gendang Kecapi.

4.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah satu cara atau teknik bagi menyelesaikan permasalahan dalam sesbuah kajian. Menurut Mahdzan (1995), “Kaedah penyelidikan merupakan segala jenis langkah yang harus digunakan bagi menggapai sesuatu objektif penyelidikan”. Kaedah kualitatif ini adalah suatu bentuk proses kaedah penyelidikan yang dilakukan melalui model secara kualitatif, berpandukan lonjakan paradigm dan strategi yang baik bagi tujuan pemantapan kajian yang ingin dijalankan. Pendekatan kualitatif ini ialah diman satu prosedur penyelidikan untuk mengumpul data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007). Tradisi tertentu dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan sosial secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia itu sendiri dalam terjemahannya sendiri iaitu berkait rapat dengan bahasa dan peristilahannya. (Kirk & Millerm 1986).

Pendekatan kualitatif dalam kajian melibatkan kajian kes, ia di mana satu bentuk penyelidikan yang berfokus kepada suatu kesatuan sistem, iaitu sama ada dalam bentuk program ataupun kejadian yang terikat dengan waktu, tempat atau sesuatu ikatan (Nana, 2005). Kajian kes ini dilaksanakan bagi menghimpun segala jenis data, memcarci makna serta pemahaman dan sesbuah konteks yang ingin dikaji. Proses pengumpulan data menurut (Cresswell, 1998), iaitu mengenalpasti kawasan atau individu, mendapat segala akses dan maklumat serta rekod program, persampelan, mengumpul data, menyelesaikan isu-isu di lapangan dan yang terakhir adalah penyimpanan data.

Manakala, kaedah kualitatif mengguna pakai kaedah interpretif, penghuraian, kajian lapangan, kajian sejarah, triangulasi data, kajian kes dan data-data verbal yang lain. Selain itu, kaedah ini menggunakan konsep secara esei, makna, pemahaman, pembentukan fenomena, konteks dan juga triangulasi. Melihat dari segi kaedah kualitatif ini, boleh disimpulkan ia lebih berfokus kepada bidang antropologi, kemasyarakatan, linguistik, sosial dan berkenaan sejarah. Dalam pada itu, ia membawa kepada objektif dalam menyelesaikan teori, menghurai risalah ataupun kenyataan, kefahaman serta memberi gambaran akan kejadian semula jadi dan menceritakan secara verbal. Kaedah kualitatatif ini lazimnya, menggunakan teknik seperti temubual, rujukan berdasarkan maklumat dokumentari dan pemerhatian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.1.2 Sejarah dan Perkembangan alat muzik Gendang Kecapi.

Idea terawal membangunkan kaedah bagi alat-alat tali dunia ini dikatakan berasal dan bertapak di kalangan masyarakat orang-orang nomad terdahulu yang mendiami di kawasan lapang di Utara Kirghiz, Kazakh dan Mongolia. Mereka juga dipercayai turut memperkenalkan alat-alat ‘lutes’ yang terus berkembang di kawasan benua India dan sekaligus mengubah bentuk alat tali dari jenis yang beleher pendek kepada yang lebih panjang seperti yang ada pada masa kini. Alat-alat seperti ‘Sarinda’, ‘Sarang’, ‘Sarod’ dan pelbagai lagi yang berkembang di India, Pakistan, Kashmir dan Afghanistan. Hal ini berlaku disebabkan daripada pengaruh pemikiran mereka . Namun begitu, ia kelihatan berbeza sekali dibandingkan dengan bentuk alat gesek yang terdapat di kawasan Barat Daya dan Timur Tengah.

Alat Kecapi Buluh atau lebih dikenali sebagai ‘Gendang Kecapi’. Ianya dicipta daripada tabung-tabung buluh yang terpilih dan tali-talinya juga diambil ataupun dikupek daripada sebahagian kulitnya dan tanpa memutuskan hujungnya. Ianya mempunyai enam tali yang diregang dengan disokong oleh kayu penungkat. Dalam konteks persembahan, tali-talinya dipetik untuk memainkan mode rithme sebagai suara menmomik, gantian kepada gendang secara meningkah dengan suara yang terhasil daripada tepukan pada permukaan yang terbiar itu. Gendang Kecapi sering dimainkan secara ‘solo’ untuk muzik hiburan bagi mengisi masa lapang dan juga memecah kesunyian sambil menunggu haiwan ternakan mereka meragut rumput.

4.2 KADEAH TEMU BUAL DALAM PROSES MANIPULASI DATA

4.2.1 TEMU BUAL



Biodata Tokoh

Nama : Mazlan bin Idris

Umur : 65 tahun

Pekerjaan : pemain alat muzik tradisional

Soalan :

1. Bolehkah tuan menceritakan serba sedikit sejarah asal-usul alat muzik tradisional gendang kecapi ini ?
2. Apakah proses-proses dalam membuat alat muzik tradisional gendang kecapi dengan betul ?
3. Bagaimanakah cara dan usaha yang boleh dilakukan untuk mengekalkan alat muzik tradisional gendang kecapi dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan ?

4.2.1.1 Bolehkah tuan menceritakan serba sedikit sejarah asal-usul alat muzik tradisional gendang kecapi ?

Menurut Encik Mazlan bin Idris atau lebih dikenali sebagai “Abe Leng Serunai, alat muzik tradisional gendang kecapi ini telah wujud setelah sekian lama lagi. Katanya lagi, sewaktu kecil, ayahnya telah membawanya belajar cara bermain alat muzik gendang kecapi ini. Beliau berkata lagi, alat muzik gendang kecapi ini begitu popular pada ketika itu. Ditambah pula, pada waktu dulu, masyarakat hanya menjalankan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama. Penduduk dahulu, lazimnya akan bekerja sebagai pesawah ataupun mengusakan kebun sendiri.

Suasana kampung yang hening dan aman suatu ketika dahulu, penduduk di sini selalunya akan bersuka ria bersama keluarga masing. Dengan adanya alat muzik gendang kecapi ini, sedikit sebanyak dapat menambahkan ketenangan dan kebahagian kepada penduduk terdahulu. Dalam setiap kampung, pasti ada yang mahir bermain alat gendang kecapi. Alat muzik gendang kecapi menjadi fokus utama kerana harganya yang murah dan mudah dibuat. Kata beliau lagi, alat muzik tradisional gendang kecapi ini, dapat dibuat dalam masa dua hari sahaja. Dengan bermodalkan wang yang sedikit dan cara pembuatan yang mudah menjadikan ia suatu tarikan seketika dahulu.

Seterusnya, beliau masih ingat ketika masih kecil anggaran umur lapan hingga dua belas tahun, beliau telah diajak oleh ayahnya untuk masuk ke hutan mencari buluh bagi membuat buluh. Pemilihan buluh yang sesuai dapat menjadikan alat muzik tradisional gendang kecapi dapat tahan

lebih lama. Setiap proses dalam membuat alat muzik sangat teliti, lebih-lebih lagi pada membuat tali pada gendang kecapi. Hal ini dikata demikian kerana, talinya yang diperbuatkan hasil daripada torehan buluh menyukarkan pembuat, jika salah langkahnya pasti akan memutuskan tali yang akan ditoreh tersebut.

Encik Mazlan berkata lagi, sewaktu dahulu, era 90-an alat muzik gendang kecapi ini sangat popular. Hal ini kerana, alat muzik ini dapat mengeluarkan bunyi yang sedap hasil daripada penggunaan buluh sahaja. Rata-rata yang memainkan pasti dapat menghiburkan hati buat si pendengar. Alunan bunyi yang keluar daripada alat muzik ini mengeluarkan bunyi yang merdu dan tenang sekali. Katanya lagi, penduduk terdahulu akan bermain alat muzik tradisional gendang kecapi ini ketika waktu tibanya musim durian luruh dan waktu sawah sudah mulai menguning. Mereka ini akan menunggu buah durian luruh ke tanah sambil bermain alat muzik gendang kecapi. Hal ini kerana, sambil menunggu buah durian jatuh, mereka dapat bermain alat muzik gendang kecapi kerana selalunya untuk menunggu buah durian jatuh akan mengambil masa. Jadinya dengan adanya alat muzik tradisional gendang kecapi ini, ia dapat mengisi masa kosong tersebut.



Gambar rajah ini menunjukkan sesi temu bual bersama Encik Halim

4.2.1.2 Apakah proses-proses dalam membuat alat muzik tradisional gendang kecapi dengan betul ?

Menurut En. Halim, pembuatan alat muzik gendang kecapi yang berdasarkan buluh dan diperbuatkan melalui kaedah tradisional adalah mudah bagi yang sudah mahir dan agak sukar bagi yang baharu mempelajari cara membuatnya. Langkah pertama yang perlu dibuat sebelum dapat menghasilkan alat muzik gendang kecapi ialah perlu pergi ke hutan terlebih dahulu bagi mencari buluh. Pemilihan buluh yang tepat dapat memberikan ketahanan yang lebih lama. Kepada alat muzik tradisional gendang kecapi.

Perkara pertama ialah mendapatkan buluh yang sesuai. Hal ini kerana , setiap aspek pada buluh sangat penting kerana ia akan dapat membuat sesebuah alat muzik tradisional gendang

kecapi yang sempurna. Pemilihan bahan buluh matang, besar dan tebal adalah salah satu ciri utama yang ditekankan. Buluh yang diperlukan adalah buluh jenis tebal iaitu buluh yang sudah matang. Beliau menekankan lagi bahawa, sebelum membuat alat muzik tradisional gendang kecapi, pastikan saiz buluh itu besar kerana buluh yang besar boleh menghasilkan gelombang bunyi yang lebih besar dan kuat berbanding buluh kecil.

Perkara kedua pula adalah, setelah mendapatkan buluh yang diingini, terlebih dahulu buluh perlulah diukur. Setelah selesai mengukur, bolehlah dipotong buluh pada setiap hujung ruas dan potongan adalah sebaik-baiknya 4 inci panjangnya. Kemudian, buluh tersebut perlulah diasah di permukaan buluh dan dipotong menggunakan pisau tajam. Bahagian badannya akan dikikis untuk tujuan melicinkan permukaan buluh tersebut.

Selepas selesai proses kedua, beliau terus ke proses yang ketiga dia mana beliau menebuk dua lubang di tengah buluh tersebut. Untuk mendapatkan titik tengah lubang yang pertama, kita perlu mengukur panjang jarak diantara bahagian atas dan bawah terlebih dahulu. Selepas itu, panjang buluh dibahagikan kepada dua bertujuan untuk mendapatkan bahagian tengah buluh tersebut. Kita boleh menanda bahagian tengah dengan menggunakan pen penanda.Untuk mendapatkan titik tengah kedua pula, anda perlu mengukur panjang diameter buluh dan kemudian bahagikannya kepada dua bahagian. Ambil ukuran buluh tersebut dan letakkan di titik tengah lubang pertama buluh dan akan membuat proses tempat lubang kedua pula.

Proses keempat adalah, kita perlulah menebuk bahagian lubang dengan lebar satu inci dan panjang satu setengah inci menggunakan peralatan seperti pahat, tukul dan pisau. Selepas lubang

siap untuk digerudi, lap lubang terlebih dahulu dengan kertas pasir dan kemudian basuh buluh tersebut lalu keringkan buluh di tempat yang sederhana panas.

Selepas buluh kering, ukur ketebalan buluh yang kits mahu gerudi. Ukuran terbaik untuk menggerudi adalah adalah antara 0.6-1.0 cm manakala panjang bermula satu inci setengah selepas bahagian bawah sehingga satu setengah inci sebelum bahagian atas. Gerudi bahagian atas dan bawah lubang yang digerudi lebih awal dengan pisau untuk membuat tali.Kemudian ulangi kaedah ini dengan membuat tali lain dari permukaan buluh di mana

Jarak tali ialah 2.4 cm di atas tali yang dibuat lebih awal. Lakukan perkara yang sama untuk lubang seterusnya. Kita perlulah menyamakan ketebalan tali menggunakan pisau. Ini juga untuk menghilangkan tali berlebihan ketebalan dan juga luruskan tali. Selepas menamatkan tali, licinkan permukaan buluh dengan kertas pasir. Ini adalah untuk mengalih keluar sembilan tali pada buluh tersebut.

Seterusnya, tebuk lubang di segmen bawah satu inci dari segmen kemudian masukkan hujung rotan dan bungkusnya sehingga lilitan rotan melebihi satu inci dari segmen luar. Kemudian Tebuk lubang di buluh dan masukkan hujung rotan ke dalam lubang. Tebuk lubang di bahagian bawah bahagian pertama. Jarak antara lubang dan yang pertama segmen adalah satu inci. Kemudian tebuk lubang kedua di bahagian atas segmen pertama pada masa yang sama jarak satu inci dari segmen.

Masukkan rotan dan bungkusnya sehingga rotan mencapai lubang seterusnya. Kita perlulah megulangi kaedah ini tetapi dengan menebuk di bahagian atas pula. Jarak lubang sehingga segmen tetap sama iaitu satu inci panjang. Lebihan buluh digunakan untuk membuat penyumbat pada tali buluh

Proses masukkan penyumbat antara tali dan permukaan di bahagian atas dan bawah buluh bermula. Tempat penyumbat percuma ditukar untuk mendapatkan bunyi laluan rentetan yang bagus. Seterusnya, buluh berlebihan dipotong untuk membuat tempat untuk menutup lubang di tengah-tengah Buluh. Penutup lubang digantung menggunakan tali yang berada di bahagian atas dan bawah lubang buluh. Penutup juga digunakan sebagai pemetik untuk mengeluarkan bunyi dari dalam buluh. Potong sekeping buluh sedalam satu setengah inci dari bahagian atas buluh.

Seterusnya adalah proses mengukur upih mengikut saiz bahagian atas buluh kemudian potong upih mengikut saiz buluh. Pastikan terdapat lebihan satu setengah inci pada upih untuk dimasukkan hujung upih ke dalam celah buluh yang dipotong lebih awal. Selepas memasukkan upih, bengkokkan hujung upih supaya permukaan upih boleh menepuk mengikut saiz lubang buluh. Upih dipotong mengikut saiz permukaan buluh menggunakan pisau.

Akhirnya setelah siap, kecapi gendang boleh dimainkan. Hal ini bagi melihat sejauh mana ketahanan fizikal buluh tersebut dan mendengar bunyi yang dapat dikeluarkan daripada alat muzik tradisional gendang kecapi tersebut.

4.2.1.3 Bagaimanakah cara dan usaha yang boleh dilakukan untuk mengekalkan alat muzik tradisional gendang kecapi dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan ?

Cara dan usaha yang boleh dilakukan untuk mengekalkan alat muzik tradisional gendang kecapi adalah tidak banyak kata beliau, hal ini kerana, beliau berpendapat alat muzik tradisional gendang kecapi ini tidak dikenali dan tidak dipersembahkan lagi. Rata-rata golongan khususnya golongan anak muda tidak mengenali kewujudan alat muzik tradisional gendang kecapi ini. Pemain yang bermain alat muzik ini juga rata-rata sudah berusia daripada 50-an katanya. Encik Mazlan juga berkata, minat anak muda untuk mendalami ilmu membuat alat muzik tradisional gendang kecapi juga tidak ada, hal ini disebabkan kerana melihat alat muzik ini sudah ketinggalan zaman. Anak muda pada masa kini, lebih gemar bermain gitar atau alat muzik yang lebih canggih. Beliau sangat risau akan hal ini, kerana jika terus berlanjutan ia akan menyebabkan kepupusan disebabkan tiada waris atau peminat yang mahu mempelajari mengenai alat muzik tradisional gendang kecapi ini.

Katanya lagi, pihak universiti perlulah cakna akan hal ini. Hal ini kerana, alat muzik tradisional gendang kecapi, adalah alat muzik yang terkenal pada ketika dahulu. Pastinya dengan adanya kerjasama universiti dalam membangunkan semula nama gendang kecapi pasti dapat dicapai kata beliau. Beliau berkata, pihak universiti boleh melakukan bengkel belajar membuat alat muzik gendang kecapi dan boleh menjemput beliau untuk mengajarnya. Encik Mazlan berkata lagi, beliau sangat mengalu-alukan kehadiran orang luar untuk menjemputnya untuk

membuat bengkel. Namun tidak ada yang berminat untuk memanggil untuk membuat bengkel atau membuat persembahan. Baginya dengan ada kerjasama daripada pihak universiti ditambah pula, Universiti Malaysia Kelantan merupakan salah sebuah universiti yang berasaskan warisan, jadinya ia sangat bertepatan dengan apa yang ingin dicapai.

Perkara terakhir yang ditekankan pula ada kefungsian kerjasama daripada pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan (JKKN) dalam mengambil insentif untuk mengekalkan dan memartbatkan alat muzik tradisional gendang kecapi sebagai alat muzik rasmi di Negeri Kelantan. Hal ini sekaligus dapat memperkenalkan alat muzik tradisional gendang kecapi kepada masyarakat luar dan boleh menjadi identiti untuk negeri Kelantan itu sendiri. Beliau berkata lagi, dengan ada imbuhan daripada pihak JKKN pastinya dapat menggarap lebih banyak idea untuk masa hadapan. JKKN adalah satu pertubuhan yang besar dan aktif di negeri Kelantan, dengan ada pertubuhan atau organisasi seperti ini pastinya dapat menarik lebih ramai orang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai alat muzik tradisional gendang kecapi ini. Alat muzik tradisional gendang kecapi ini dapat dinaikkan semula dan akan menarik minat orang muda untuk belajar dan mempelajarinya. Mungkin dengan adanya kerjasama dengan pihak JKKN, ini akan membuka mata orang-orang luar yang atau syarikat besar untuk bekerjasama menjayakan program ini melalui pelaburan wang atau sebagainya.

Tidak banyak langkah yang dapat dibuat oleh dirinya, beliau sendiri telah mengajak anak-anak kecil di kawasannya untuk mempelajari, tetapi mereka ini tidak mempedulikan akan katanya. Dengan umurnya yang kian meningkat usia, beliau sangat mengkhawatirkan akan hal ini. Alat muzik tradisional gendang kecapi ini pasti akan pupus jika tidak dijaga. Beliau juga

mengenali para-para pemain gendang kecapi, rata-rata pun berkata begitu, tiada insentif yang mereka boleh mereka lakukan untuk memastikan alat muzik tradisional gendang ini tidak dimamah usia. Garapan kepada anak muda sangat penting, kerana ia merupakan penerus kepada generasi kita yang akan datang.

4.3 PEMERHATIAN

Pengkaji telah membuat pemerhatian secara langsung dengan pergi ke tempat kajian tersebut untuk memperoleh data yang jelas.

Daripada pemerhatian, pengkaji dapat mendengar secara langsung pemain ini bermain dengan alat muzik tradisional gendang kecapi ini dan mempelajari cara pembuatannya. Melalui pemerhatian yang dilihat, ternyata dalam pembuatan alat muzik tradisional gendang kecapi tampak mudah, tetapi apabila kita merasainya sedikit ia agak menyukarkan bagi yang kurang mahir. Cara bermain dengan cara betul juga ditunjuk ajar kepada pengkaji. Setiap aspek daripada cara bermain diajar dengan sangat teliti, di dalam gendang kecapi ia juga mempunyai tali ibu dan tali anak. Setiap tali akan menghasilkan bunyi yang berbeza.



Contoh tali pada alat muzik tradisional Gendang Kecapi

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KEUSAHAWANAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini adalah bab terakhir dilakukan oleh pengkaji untuk menyediakan kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan cara untuk memperkenalkan dan mempromosikan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini. Hal ini demikian kerana alat muzik ini didapati bahawa semakin hari semakin lenyap dari mata dunia khususnya bagi rakyat Kelantan. Hal ini berlaku oleh sebab alat muzik tradisional ini jarang sekali diketengahkan dalam persembahan sekarang.

Bab ini juga telah menyatakan beberapa cadangan dalam usaha membaik pulih projek kajian supaya dapat menambahbaikan dan mempertingkatkan lagi nilai yang terdapat dalam kajian tersebut. Pada akhirnya, dalam bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan mengenai semua kajian yang dilakukan. Ia bermula dari bab satu sehingga penutup.

Seterusnya, dalam bab ini akan menyimpulkan semua hasil kajian yang dilakukan sebelum atau semasa kajian dilaksanakan. Kesimpulannya, melaksanakan sesebuah kajian penting kerana kesemua maklumat yang terkumpul perlu dirumuskan dengan sebaik yang mungkin agar pembaca tidak keliru akan maklumat yang terdapat dalam laporan kajian yang ditulis oleh pengkaji terdahulu.

5.1 KEUSAHAWANAN

Usahawan ia mula tercipta pada tahun 1970 semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Seterusnya, asal usul perkataan usahawan ini adalah dari perancis iaitu “entreprede” yang bermaksud “to undertake” dan pada masa kini perkataan usahawan digelar “entrepreneur”. Usahawan ini juga merujuk kepada seseorang yang mencipta sesuatu perniagaan baru dan menghadapi suatu keadaan yang tidak pasti kerana disebabkan ingin memperolehi keuntungan dan perkembangan semasa.

Menurut Richard Cantilon (1986) menjelaskan bahawa definisi untuk usahawan, dan definisinya ialah seseorang yang membekalkan modal. Selain itu, pendapat menurut Peter Drucker (1964) pula ialah usahawan merupakan seseorang yang ingin memaksimumkan peluang.

Oleh yang demikian, keusahawanan adalah strategi untuk membangunkan sesbuah perniagaan yang menyediakan peluang pekerjaan sebagai seorang ushawan. Oleh itu, berbagai definisi yang dapat dijelaskan mengenai keusahawanan. Salah satunya adalah cara seseorang usahawan itu menggunakan peluang memulakan sesbuah perniagaan serta mengembangkan perniagaan tersebut.

Dari aspek pengurusan dan pemasaran, misalnya pengeluaran produk bagi penghasilan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini perlu ditambahbaikan dari aspek pemasaran yang luar biasa agar permintaan alat muzik tradisional ini kian meningkat.

5.1.1 PRODUK

Pengkaji dapat mengenal pasti bahawa produk dalam kajian ini ialah Gendang kecapi. Ia merupakan sesuatu produk dan ianya boleh dipromosikan dan turut dipersembahkan kepada khalayak umum. Seterusnya, dengan terhasilnya produk daripada Gendang Kecapi ini dapat menambah pendapatan individu ataupun Negara dengan hasil yang dijanakan oleh pakar-pakar pembuatan alat muzik tradisional ini. Di samping itu, ia juga boleh menaikkan semangat masyarakat agar kesenian alat muzik tradisional ini dapat dipelihara dan dijaga dengan baik khususnya alat muzik tradisional Gendang Kecapi.

Selain itu, ia menjadi satu kepentingan untuk mempromosikan alat muzik tradisional kerana ia amat membantu dalam usaha untuk memberikan pendedahan dalam mempromosikan sesebuah produk kepada masyarakat. Antara langkah mempromosikan alat muzik tradisional Gendang Kecapi di pasaran adalah dengan menghasilkan sebuah buku. Hal ini kerana, ia bertujuan membantu para pembaca seperti pengkaji, pelajar, dan penggiat seni sebagai rujukan utama mereka dalam institusi pendidikan.

5.0 CADANGAN

Berdasarkan dari hasil kajian yang diperolehi, pengkaji dapat mengenalpasti beberapa cadangan yang diketengahkan bagi memastikan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini terpelihara dan diperkenalkan sebagai khazanah warisan budaya. Sejurus itu ia akan membuka mata dunia dan membuatkan masyarakat luar lebih tertarik mengenal warisan budaya kita.

5.1.1 INDIVIDU/PENGKAJI

Salah satu cadangan yang dapat diketengahkan adalah dengan membuat sebuah dokumentari mengenai alat muzik tradisional khususnya alat muzik tradisional Gendang Kecapi supaya masyarakat yang akan datang dapat mengenali dan mengetahui serba sedikit mengenai alat muzik tradisional ini. Sehubungan dengan itu, kita dapat melihat generasi kini lebih dipengaruhi oleh media massa. Oleh hal yang demikian, dengan adanya teknologi, ia dapat memudahkan lagi generasi-generasi kini untuk mencari maklumat dengan menggunakan telefon pintar. Justeru itu, cadangan pengkaji untuk membuat sebuah dokumentari amat membantu dalam usaha memperkenalkan alat muzik tradisional ini kepada generasi yang akan datang.

Cadangan seterusnya pula dengan memberikan pendedahan awal tentang alat muzik Gendang Kecapi di peringkat institusi Pendidikan, peringkat awal iaitu pada peringkat sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya pendedahan pada peringkat awal dapat memberikan sesuatu hasil yang lumayan terhadap generasi muda bagi mengetahui serta mempelajari alat muzik tradisional Gendang Kecapi.

Hal ini dikatakan demikian kerana, di peringkat sekolah ia akan mempelajarinya secara praktikal dan ditambah pula pengisian mengenai mata pelajaran muzik tradisional. Sehubungan dengan itu, ia perlu menjadikan alat muzik tradisional ini sebagai sebuah bidang atau subjek yang diperkenalkan kepada golongan muda. Hal ini disebabkan oleh subjek ini merupakan subjek praktikal dan ia sangat bersesuaian untuk memulakannya di peringkat sekolah. Di peringkat sekolah, ia dapat menarik golongan muda supaya mengikuti dan dapat dibentuk mahupun diasah bakat mereka dengan bermain alat muzik tradisional. Apabila telah diasah semenjak dari peringkat sekolah, mereka akan mendapat ilmu dan sedikit pengalaman dalam membuat sesebuah persempahan alat muzik tradisional.

Selain itu, pengkaji turut mencadangkan bahawa ia perlu menitikberatkan mengenai bahan-bahan rujukan iaitu dengan memperbanyakkan lagi bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan alat muzik tradisional seperti alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Dengan ini ianya secara tidak langsung dapat membantu pengkaji atau penggiat seni khususnya pelajar yang melakukan kajian dalam menghasilkan atau membuat sesebuah kajian mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi di Kelantan.

Di samping itu, bahan-bahan rujukan seperti buku, artikel dan lain-lain dapat memudahkan pelajar dan penyelidik membuat rujukan dengan lebih mendalam. Oleh itu, pengkaji turut menegaskan bahawa bahan-bahan rujukan ini haruslah diperbanyakkan lagi di tempat yang dapat memudahkan seseorang pengkaji atau penyelidik untuk mencari data. Sebagai contoh, di perpustakaan awam, perpustakaan Universiti dan lain-lain. Hal ini kerana, bahan rujukan tentang alat muzik tradisional Gendang Kecapi amat sukar untuk didapati.

5.0.1 MASYARAKAT

Masyarakat adalah sebuah elemen penting bagi usaha mengekalkan warisan agar dipelihara dan dikekalkan kepada generasi yang seterusnya. Walaubagaimanapun masyarakat perlu mengambil peluang berganding bahu bersama kerajaan bagi memartabatkan warisan muzik tradisional Kelantan agar ia tidak diperkotak katikkan oleh orang luar dan terhapuslah kesenian yang ada pada warisan muzik tradisional kita khususnya alat muzik tradisional Gendang Kecapi.

Pada waktu dahulunya, alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini sangat popular bagi masyarakat Kelantan disebabkan oleh keunikan pada persembahan ini. Alat muzik yang dimiliki oleh penduduk di Kelantan ketika musim durian ataupun padi menguning. Rata-rata akan bermain bagi menghiburkan suasana hati dan untuk mengisi masa lapang.

Selain itu, masyarakat juga berperanan untuk menyedarkan masyarakat sekeliling mengenai kepentingan memelihara dan menjaga alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Kini, ia lebih cenderung terhadap muzik moden yang kian meluas dalam golongan muda.

Hal ini kerana, dalam era pemodenan kini, masyarakat lebih terdedah dengan muzik-muzik moden. Bukan itu sahaja, bahkan ia turut berkembang mengikut keadaan termasuklah dari segi budaya, pakaian, makanan dan sebagainya. Justeru itu, masyarakat perlu mengambil berat untuk menyedarkan golongan sekeliling. Hal ini kerana, jika tidak golongan mereka akan terus tenggelam hanyut dalam arus pemodenan yang ada pada masa kini yang semakin hari semakin berkembang. Hal ini akan menyebabkan golongan muda tidak mengendahkan alat-alat muzik tradisional khususnya Gendang Kecapi. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin mengutarakan cadangan kepada masyarakat dengan cara ia perlu menyokong usaha yang dilakukan oleh kerajaan dan juga akan turut serta membantu kerajaan untuk memastikan Gendang Kecapi terus diperkenalkan serta dipelihara pada masa kini.

Hal ini demikian kerana, golongan pada masa kini semakin melupakan warisan dan budaya terdahulu yang tidak diangkat kembali dan oleh sebab itu perlu ada rasa kesedaran terhadap warisan budaya kita. Selain itu, masyarakat perlu mengambil peluang untuk memperkenalkan dan mempromosikan Gendang Kecapi kepada generasi pada masa kini dengan satu harapan agar menarik minat mereka supaya mengubah haluan kepada muzik tradisional budaya masyarakat kita.

5.0.1 KERAJAAN

Dengan ini, pemantauan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam perusahaan amatlah penting kerana diperlukan untuk sesebuah perusahaan bagi mendapatkan sambutan luar serta masyarakat. Seterusnya, pengkaji akan memberikan beberapa contoh pihak kerajaan yang terlibat, antaranya ialah Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negeri Kelantan (JKKN) dan pihak Pelancongan Negeri Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pihak kerajaan hendaklah memainkan peranan dalam usaha memperkenalkan alat muzik tradisional kelantan kepada masyarakat serta sasaran yang disasarkan adalah kepada golongan belia dan pelancong.

Oleh yang demikian, pengkaji turut mengenal pasti usaha dan tingkah laku yang dapat diambil oleh pihak kerajaan dalam mengetengahkan alat muzik tradisional. Di samping itu, pihak terlibat perlu membuat sebuah persembahan di majlis rasmi kerajaan dan di institut. Dengan adanya usaha ini dapat membantu masyarakat mengetahui sedikit sebanyak tentang alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Seterusnya, melalui tingkah laku yang dilakukan oleh pihak kerajaan agar masyarakat akan lebih terdedah dengan alat muzik tradisional khususnya alat muzik Gendang Kecapi.

Selain itu juga, persembahan yang melibatkan penggunaan alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini boleh dilakukan dimana-mana sahaja seperti di tempat kenduri kahwin, majlis yang dianjurkan pihak sekolah, majlis kampung dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, masyarakat luar juga boleh mengenali budaya dan warisan kita melalui persembahan yang dipersembahkan di hadapan mereka serta dapat menarik minat masyarakat luar dan masyarakat di dalam Malaysia. Oleh itu, alat muzik tradisional dapat dipromosikan dengan adanya persembahan secara terbuka kepada masyarakat di samping menarik minat generasi kini supaya belajar serta meneruskan memelihara alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini dari pupus.

Seterusnya, pengkaji ingin mengutarakan usaha pihak kerajaan yang perlu dilakukan lagi adalah dengan membuat bengkel kepada masyarakat umum khususnya pada golongan muda dan golongan belia. Kepentingan bengkel alat muzik tradisional perlu disediakan oleh pihak kerajaan bagi melatih mereka mengasah bakat dalam bidang alat muzik tradisional terutamanya Gendang Kecapi.

Tambahan pula, melalui latihan semasa bengkel yang dijalankan akan diberikan tenaga pengajar yang pakar dalam membantu masyarakat yang berminat untuk menyertai bengkel dalam usaha memperluaskan teknik kemahiran dalam bermain alat muzik tradisional Gendang Kecapi tersebut.

Apabila masyarakat menunjukkan rasa minat mereka terhadap bengkel ini ia akan memberikan satu impak yang sangat hebat dimana bengkel ini akan berjaya disebabkan oleh masyarakat yang telah menunjukkan kesungguhan mereka dalam memperolehi ilmu ini. Hal ini kerana, tanpa disedari ia telah menyedarkan sebahagian daripada golongan muda pada masa kini dan secara tidak langsung lahirnya pelapis-pelapis muda yang mewarisi budaya kita dengan harapan ia akan berpanjangan sehingga ke generasi-generasi yang akan datang. Seterusnya, kepada pengajur yang mengadakan bengkel hendaklah menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk masyarakat yang menyertai.

Hal ini dikatakan demikian kerana, segala proses-proses dalam usaha mengadakan bengkel ini mestilah dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Sebagai contoh, pengkaji dapat menjelaskan dengan mengedarkan poster mengenai bengkel alat muzik tradisional ini kepada masyarakat umum secara percuma. Hal ini bagi memberikan pendedahan awal untuk menarik minat mereka agar masyarakat ingin menyertai bengkel alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Oleh hal yang demikian, tingkah laku ini amat penting kepada masyarakat awam untuk memberikan pendedahan kepada generasi generasi kini supaya mereka akan memelihara alat muzik tradisional ini daripada hilang dimata dunia.

Seterusnya, pengkaji turut mencadangkan sistem pendidikan iaitu kerajaan perlu membuat penambahbaikan dalam topik yang berkaitan dengan alat muzik tradisional Gendang Kecapi untuk dibawa masuk ke dalam sistem pendidikan negara. Hal ini membantu pelajar mengetahui dengan lebih terperinci mengenai alat muzik tradisional Gendang Kecapi kerana pelajar-pelajar akan diberikan pendedahan awal seperti cara untuk bermain alat muzik Gendang Kecapi. Seterusnya, mereka juga dapat mengetahui sejarah awal tentang alat muzik tradisional ini, cara bermain dan lain-lain lagi.

Dengan ini, pelajar dapat mempelajari secara teori dan juga praktikal bermain alat muzik tersebut secara berperingkat. Dengan langkah ini, golongan muda yang terlatih dan berminat akan meneruskan bakat mereka untuk penglibatan mereka dalam dunia seni persembahan.

Selain itu juga, pihak penyelaras perlu memainkan peranan dalam menukuhan wisma atau galeri seni bagi mengumpulkan pelbagai jenis alat muzik tradisional, khususnya Gendang Kecapi agar dikenali oleh semua lapisan masyarakat.

Terbinanya sesebuah kompleks sebagai satu tempat yang boleh memasarkan alat muzik tradisional Gendang Kecapi kepada orang awam dan menjadi pusat destinasi serta tumpuan pelancong dari pelbagai negara yang ingin melihat dan melawat budaya dan keunikan yang terdapat dari masyarakat negara kita. Tambahan pula, pihak yang berkaitan perlu menukuhan pusat-pusat latihan pembuatan alat muzik tradisional termasuklah alat muzik tradisional Gendang Kecapi.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, alat muzik tradisional ini dapat dianggap sebagai warisan budaya bangsa yang selayaknya diterima sebagai artifak berharga yang kita perlu pelihara kerana keunikan dalam pembuatan serta penciptaannya yang tersendiri telah menjadi satu pembuktian mengenai ketelitian, kepakaran dan kehebatan sesuatu pemikiran bangsa sendiri. Sehubungan dengan itu, kita sebagai rakyat malaysia memainkan peranan penting bagi usaha menjaga alat muzik tradisional supaya ia terus kekal dan tidak akan di tinggal zaman, memetik kata pepatah melayu sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Melalui penyelidikan ini, pengkaji dapat memperhalusi setiap daya imaginasi dan kreativiti penggiat-penggiat seni lama dalam menjaga keaslian alat muzik tradisional khususnya alat muzik tradisional Gendang Kecapi. Pengkaji juga dapat mengetahui nilai yang terdapat dalam alat muzik ini sangatlah tinggi jika kita tidak mempeliharanya dengan baik maka akan lenyaplah nilai keaslian yang terdapat dalam alat muzik tradisional Gendang Kecapi ini.

Apabila kita menjaga keasliannya secara tidak langsung generasi-generasi akan datang dapat melihat nilai keaslian hasil dari nenek moyang kita yang terdahulu yang telah bersusah payah membuatnya. Dengan itu, kita sebagai pewaris mereka haruslah memelihara dan memulihara terutamanya alat muzik tradisional Gendang Kecapi.

RUJUKAN

BUKU

Kamus Bahasa Melayu, Kamus pelajar edisi kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka,
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Gendang>


John w. Creswell (3rd edition, 2008) Education research -planning -conducting, and evaluating quantitative and qualitative research

Mohd. Ghousse Nassaruddin (2003) Muzik Tradisional Malaysia (Edisi Baharu): Dewan Bahasa dan Pustaka

TEMUBUAL

Bachok, En Mazlan bin Idris, temubual oleh Amyusharman Shafiq bin Yusof, (12.12.2023)

LAMPIRAN





KELANTAN

Imbau nostalgia kecapi buluh

Dolah mahu generasi baharu kenali alat muzik lama



Dolah mengisi masa lapang dengan memainkan alat muzik kecapi buluh yang dihasilkannya.

PASIR PUTIH - Warga emas di sini, yang mencintai kesenian dan permainan tradisi menghadirkan semula alat muzik lama diperbuat daripada buluh kerana mahu generasi baharu mengenalnya.

Dolah Majid, 81, bekata, alat muzik dikenali sebagai kecapi buluh itu mempunyai kuarsik dan terlalu sukar dilihari hari ini, apalah lagi untuk mendengar alunan irama yang terhasil daripadanya.

Menurutnya, ketika masih kanak-kanak, dia asyik melihat penduduk Kampung Pasir Tumboh, Kota Bharu, memainkannya ketika ke rumah ibu saudaranya di sana.

"Nak cari sekaran dah takada, akhirnya pakej busu sendiri, bila bodak sekaran boleh lihat dan kenal," katanya. Di temui di rumahnya di Kampung Jeram Il di sini, semalam.

Katanya, buluh ditebang perlu dikeringkan terlebih dahulu dan di kiri dan kanannya dililit dengan rotan agar kelebihan lebih kemas.

"Alat ini tiga dalam sans, hampir lengkap seperti irama irungan persembahan seni si-

INFO

• Pada 1991, Dolah bersama kumpulan permainan puteri Anak Gajah mengadakan persembahan di New York, Amerika Syarikat, bagi mempromosikan sektor pelancongan negara

lat seperti dimainkan beberapa orang ahliinya. Dengan satu alat ini kita leluarkan buluh hampir sama dengan set lengkap muzik silat.

"Upah pokok pisang dijadikan sebagai 'persutupi' di situah kita mengetuknya seolah-olah gendang ibu, sam-bil badan diketuk seperti memainkan

gendang anak dan tali di hadapan buluh berfungsi sebagai gong," katanya yang tinggal di kampung ini bersama isterinya, Che Mah Awang Teh, 65.

Dolah berkata, alat muzik itu dimainkan pada waktu lapang sebagai hiburan tetapi bersedia menjualnya kepada orang ramai yang berminat menjadikannya sebagai hiasan dalam rumah.

Katanya, sejak menghasilkannya tiga tahun lalu, kecapi buluh sudah dijual kepada beberapa pembeli tempatan dan dari luar Kelantan dengan harga setiap satunya RM50.

"Apapun penting, orang zaman lori (sekarang) boleh lihat dan tahu bahwa Kelantan kita ini kaya dengan kesenian dan kebudayaan, kita kena bangga sebenarnya."

"Kalau saya tak buat, macam mana orang nak tahu alat muzik ini wujud, inilah gambaran kehebatan orang zaman dulu yang kita tak terfikir bagaimana buluh mengeluarkan tiga bunyi berbeza," katanya.



Kecapi buluh yang dihasilkan Dolah turut sesuai dijadikan perhiasan dalam rumah.